KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **18 Februari 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 5



Armizan handing over contribution to the recipients.

# Sara programme: Getting more premises involved

**Winnie Kasmir**

SANDAKAN: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) will collaborate with the Finance Ministry to identify more premises that can be involved in the implementation of the Sumbangan Asas Rahmah (Sara) programme.

KPDN Minister Datuk Armizan Mohd Ali said this is to enhance access for Sara recipients, enabling them to obtain essential daily goods more easily in their local areas.

As of Feb 13, 2025, Sara aid recipients can obtain essential items at 1,700 participating supermarkets and grocery stores nationwide.

The recipients will receive monthly assistance of between RM50 and RM200, depending on their eligibility category. This amount will be credited to their MyKAD and can be used to purchase basic necessities at selected supermarkets or grocery stores.

"Starting 2025, the implementation of Sara using MyKAD has also been expanded to Sabah and Sarawak.

"With this expansion, Sara aid will be credited monthly to the recipient's MyKAD, compared to the previous method of cash disbursement twice a year.

"So far, 340 premises in Sabah and 320 premises in Sarawak are involved in the Sara programme," he said.

He said, the focus will be on rural and remote areas, taking into account geographical conditions and infrastructure limitations that make it difficult for targeted groups to purchase essential goods at nearby premises.

He said this during the Sentuhan Kasih, Jualan Rahmah Madani, and Consumer Advocacy Programme at the car park square in Bandar Ramai-Ramai, here, last Sunday.

Also present were Batu Sapi Member of Parliament, Khairul Firdaus Akbar Khan, Karamunting Assemblyman Datuk George Hiew and local residents from Batu Sapi.

Meanwhile, Armizan said the government, through KPDN, will continue to expand the implementation of the Madani Rahmah Sale Programme (PJRM) as part of an intervention measure to offer goods at prices 10 to 30 per cent lower than the current market rates for daily necessities.

For 2025, KPDN is targeting the implementation of at least two PJRM series per month in each state constituency nationwide.

"The government is committed to implementing various strategies and approaches across different ministries and agencies to address the cost of living issues faced by the people, including cash aid through the Sumbangan Tunai Rahmah (STR) and Sara initiatives.

"In addition to efforts at the federal government level, I also express my appreciation to state governments that have introduced special programmes to assist the people in coping with the cost of living.

"For example, the implementation of the Sentuhan Kasih Rakyat Sabah (Sukur) programme by the Sabah Government and the Sumbangan Keperluan Asas Sarawak (SKAS) programme by the Sarawak Government, which involve cash assistance for eligible recipients starting in 2025," he said.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 17

# Kuota 60,000 tan minyak masak peket subsidi kekal

**Kuala Lumpur:** Penjaja dan keluarga kurang mampu seluruh negara dianggar menggunakan 60,000 tan minyak masak peket bersubsidi sebulan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh, berkata kementerian tidak berhasrat menambah kuota 60,000 tan kerana jumlah itu sudah memadai.

"Kuota sedia ada mencukupi untuk menampung keperluan berdasarkan golongan yang kita kenal pasti wajar menerima manfaat itu.

"Berdasarkan data Jabatan Perangkaan 2022, sebanyak 7.9 juta isi rumah mempunyai keperluan sebanyak 4.8 kilogram (kg) minyak masak sebulan.

"Bagi penggunaan 80 peratus rakyat ini, 30,300 tan sebulan dan data Jabatan Perangkaan 2023 menunjukkan penggunaan bagi peniaga mikro dan penjaja ialah 21,285 tan.

"Jadi kementerian berpandangan jumlah 60,000 tan mencukupi untuk diagihkan kepada 80 peratus isi rumah dan industri mikro dengan setiap pembelian. Kita hadkan sebanyak tiga peket minyak masak setiap pembelian," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.


*Fuziah Salleh*

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Cha Kee Chin (PH-Rasah) yang meminta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyatakan jumlah subsidi yang dibelanjakan untuk Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (ECOSS) sepanjang 2024.

Kee Chin juga ingin tahu sama ada kementerian bersedia meningkatkan kuota 60,000 tan minyak masak peket bersubsidi di pasaran runcit, memandangkan kerap kali ada rungutan kekurangan bekalan.

Menjawab soalan Datuk Dr Zulkafperi Hanapi (BEBAS-Tanjong Karang) mengenai ketirisan dan penyalahgunaan kuasa sehingga mengakibatkan minyak masak peket tidak sampai ke sasaran, Fuziah berkata, kementerian tidak berkompromi, malah sudah mengambil tindakan terhadap 46 syarikat yang dikesan melakukan kesalahan berkenaan tahun lalu.

Beliau berkata, kementerian bertindak menarik semula kuota itu daripada 30 syarikat, manakala 16 syarikat lagi digantung kuotanya.

Fuziah berkata, kerajaan belum ada perancangan untuk melaksanakan pembayaran wang secara tunai kepada pengguna yang layak bagi menggantikan subsidi minyak masak, namun kementerian akan melakukan penambahbaikan, termasuk melalui kaedah ECOSS.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 6

# Quota of subsidised packaged cooking oil stays

KUALA LUMPUR: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has maintained the quota of 60,000 tonnes of subsidised packaged cooking oil per month in the market.

Deputy Minister Dr Fuziah Salleh said this decision was made after data from the Department of Statistics Malaysia in 2022 showed that the monthly usage of packaged cooking oil for 80 per cent of the 7.9 million households was 30.3 million tonnes, while the micro-industry sector used 21,280 tonnes per month.

She was replying to a question from Cha Kee Chin (PH-Rasah) regarding the amount of subsidy spent on the implementation of the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme (eCOss) in 2024, and whether KPDN was prepared to increase the 60,000-tonne quota of subsidised packaged cooking oil in the retail market.

She added that the government has spent RM1.945 billion on the cooking oil price stabilisation scheme, with RM845 million allocated in Budget 2024 and RM1.1 billion allocated in a supple-




mentary bill.

Fuziah also said that KPDN is negotiating, in collaboration with relevant agencies, to develop a pilot project this year to allow consumers to purchase packaged cooking oil using an ID system.

"This system will be implemented to identify eligible Malaysian citizens who can access the supply, as well as to reduce issues of leakage," she said, responding to a supplementary question from Datuk Dr Zulkafperi Hanapi (PN-Tanjong Karang), who asked if KPDN was prepared to provide cooking oil subsidies directly through MyKad. –Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 4

# Kuota minyak masak paket subsidi tidak ditambah

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan tiada perancangan menambah kuota minyak masak paket bersubsidi ketika ini iaitu 60,000 tan metrik sebulan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh berkata, jumlah itu mencukupi bagi menampung penggunaan 80 peratus rakyat selain penjaja di negara ini.

"Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 2022, sebanyak 7.9 juta isi rumah mempunyai keperluan sebanyak 4.8 kilogram (kg) minyak masak sebulan.

"Bagi penggunaan 80 peratus rakyat, ia adalah sebanyak 30,300 tan sebulan dan data DOSM 2023 menunjukkan penggunaan bagi peniaga mikro dan penjaja adalah 21,285 tan.

"Jadi kementerian berpandangan jumlah 60,000 tan adalah mencukupi untuk diagihkan kepada 80 peratus isi rumah dan industri mikro dengan setiap pembelian, kita hadkan sebanyak tiga paket minyak masak," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Cha Kee Chin (PH-Rasah) yang meminta KPDN menyatakan jumlah subsidi yang dibelanjakan untuk Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (ECOSS) sepanjang tahun lalu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI
HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 6

# 60,000 tan metrik minyak peket cukup

KUALA LUMPUR – Kuota 60,000 tan metrik sebulan bagi minyak masak peket bersubsidi di pasaran tempatan adalah mencukupi untuk menampung bekalan pengguna di negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, ini berdasarkan kadar penggunaan minyak masak peket yang telah dikenal pasti penerima manfaat subsidi tersebut.

Menurut beliau, jualan minyak masak peket bersubsidi tersebut bermula pada tahun 2007 yang bertujuan membantu keluarga dan isi rumah bagi kegunaan domestik.

"Pada Julai 2022, Yang Berhormat Bera (Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika menjadi Perdana Menteri) telah panjangkan kegunaan minyak masak bersubsidi kepada industri mikro.

"Mengikut data Jabatan Perangkaan (DOSM), kita tengok jumlah 7.9 juta isi rumah dengan keperluan satu isi rumah 4.8 kilogram minyak masak sebulan. Kalau ambil paling bawah 80 peratus isi rumah, jumlah adalah 30.3 metrik tan sebulan.

"Data DOSM 2023 pula kalau kita beri kepada industri mikro seperti penjaja dan penjual pasar malam, jumlah kita perlukan 21,285 tan metrik. Maksudnya 60,000 tan metrik minyak masak peket bersubsidi ini mencukupi," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Cha Kee Chin (**PH-Rasah**) berhubung sama ada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bersedia untuk meningkatkan kuota 60,000 tan metrik minyak masak peket bersubsidi di pasaran runcit.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar

HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 9

# '60,000-tonne cooking oil quota sufficient'

THE monthly quota of 60,000 tonnes of subsidised packet cooking oil is sufficient to meet the needs of households and the micro-industry sector, says Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Fuziah Salleh.

The current quota for eligible recipients is enough based on identified consumption patterns, she added.

She said the ministry has suspended 16 companies and revoked quotas from 30 others in 2024 for misusing their allocated supply.

"The ministry will not compromise on enforcement," she told Cha Kee Chin (PH-Rasah).

Initially introduced in 2007 to support households, the subsidised cooking oil scheme was extended to micro-industries in July 2022. According to 2022 data from the Department of Statistics Malaysia (DOSM), the country had 7.9 million households, each requiring an average of 4.8kg of cooking oil per month. For the bottom 80% of households, this amounts to 30.3 metric tonnes per month.

In 2023, the government found that micro-businesses, such as street vendors selling snacks like keropok lekor and nasi lemak, required 21.2 million metric tonnes. The total allocation of 60,000 metric tonnes was deemed sufficient for 80% of households.

To prevent abuse, Fuziah said that purchases of subsidised cooking oil are limited to three packets per transaction, and export is strictly prohibited.

However, she clarified that micro-businesses do not include restaurants – which fall under the "small business" category.

She added that ministry enforcement teams are inspecting restaurants to ensure they do not misuse subsidised cooking oil.

Meanwhile, she said the government has no plans to replace the subsidised cooking oil packets with cash payments for citizens through MyKad at this time.

She added that her ministry is strengthening the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme to ensure the supply reaches eligible citizens.

The ministry is also developing a pilot project to extend the scheme's tracking to the consumer level, unlike the previous system which only tracked the supply from refineries to retailers, said the deputy minister.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 5

# Tiada tambahan kuota minyak masak peket

## KPDN kekal kuota 60,000 tan metrik minyak masak peket bersubsidi setiap bulan

Oleh **RAIHAM MOHD SANUSI**
KUALA LUMPUR

SIDANG PARLIMEN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) masih mengekalkan kuota 60,000 tan metrik minyak masak peket bersubsidi untuk setiap bulan di pasaran.

Timbalan Menterinya, Dr Fuziah Salleh berkata, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira data Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2022 yang menyatakan jumlah penggunaan minyak masak peket bagi 80 peratus daripada 7.9 juta isi rumah adalah 30.3 juta metrik tan sebulan, manakala industri mikro pula menggunakan 21,280 metrik tan sebulan.

"Jumlah 60,000 tan minyak masak peket ini mencukupi untuk kita agihkan kepada isi rumah dan industri mikro," katanya ketika sesi soal jawab di Dewan Rakyat pada Isnin.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Cha Kee Chin (PH-Rasah)** mengenai berapa jumlah subsidi yang telah dibelanjakan untuk pelaksanaan Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (ECOSS) sepanjang 2024 dan adakah KPDN bersedia untuk meningkatkan kuota 60,000 tan metrik minyak masak paket bersubsidi di pasaran runcit.

Sementara itu, Fuziah berkata, kerajaan belum merancang untuk menukar subsidi minyak masak peket kepada bayaran tunai melalui MyKad kepada rakyat setakat ini.

Menurutnya, namun kementerian sedang memperkasakan ECOSS untuk memastikan bekalan minyak masak itu sampai kepada pengguna berstatus warganegara.

"Setakat ini belum ada (rancangan) untuk menggunakan (MyKad) atau subsidi itu disalurkan terus (kepada pengguna).

"Akan tetapi cara kita (untuk) memastikan bahawa ia sampai kepada pengguna (menerusi) projek rintis 2025. Nanti kita akan menggunakan pengenalan diri (ID) atau satu bentuk ID supaya kita dapat kenal pasti warganegara yang boleh menggunakan bekalan tersebut," jelasnya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan **Datuk Dr Zulkafperi Hanapi (Bebas-Tanjong Karang)** sama ada KPDN akan mempertimbangkan untuk menukar subsidi minyak masak peket kepada bayaran tunai melalui MyKad susulan isu subsidi minyak masak tidak sampai kepada golongan sasaran ekoran ketirisan dan penyalahgunaan kuasa.



Fuziah ketika sesi soal jawab di Dewan Rakyat pada Isnin.

NEW STRAITS TIMES

HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 8

60,000 TONNES MONTHLY

# Quota for subsidised packet cooking oil 'sufficient'



*Domestic Trade and Cost of Living Deputy Minister Fuziah Salleh says there is no need to increase the quota.* BERNAMA PIC

**THE** current monthly quota of 60,000 tonnes for subsidised packet cooking oil is sufficient to meet the needs of households and micro-industries, the Dewan Rakyat was told yesterday.

Domestic Trade and Cost of Living Deputy Minister Fuziah Salleh said this allocation catered to demand based on identified consumption patterns and targeted the intended beneficiaries of the subsidy.

Hence, there was no need to increase the quota, she said.

Malaysia is one of the world's largest producers and exporters of palm oil, making it a widely available and affordable option for cooking. Palm oil is used extensively in Malaysian cuisine and is a key ingredient in many traditional dishes.

"For 2024, the government has spent RM1.945 billion, comprising RM845 million allocated in the 2024 Budget and RM1.1 billion allocated in the Supplementary Bill for the cooking oil price stabilisation scheme.

"Based on data from the Statistics Department (DOSM) in 2022, the total number of households stood at 7.9 million, with data indicating that the average household needed about4.8kg of cooking oil per month.

"If we consider the bottom 80 per cent of households, their total consumption amounts to 30,300 tonnes per month.

"Data from 2023 shows when we include micro-industries, such as street vendors, night market traders, and sellers of traditional snacks, the required amount is 21,285 tonnes.

"This means that the total quota of 60,000 tonnes is sufficient for distribution among households."

Fuziah said this in response to Cha Kee Chin (PH-Rasah), who asked whether the government was prepared to increase the 60,000-tonne quota of subsidised packet cooking oil in the retail market, given frequent complaints of supply shortages.

She added that to ensure the subsidy reaches its intended recipients and to curb misuse, the government had rolled out several measures, including a purchase limit of three packets per transaction and a ban on exports.

"The ministry is also strengthening monitoring through the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme tracking system, which traces the supply chain from refineries to retailers.

"Enforcement efforts such as Ops Tiris are also ongoing to combat leakages, while a zoning system has been introduced to ensure fair distribution, requiring repackers to allocate at least 50 per cent of their supply to designated areas."

In response to a supplementary question by Datuk Dr Zulkafperi Hanafi (Independent-Tanjong Karang) about the government's plan to distribute direct subsidies to prevent leakages, Fuziah said there were no plans to apply the subsidy directly to consumers.

The ministry would ensure the subsidy reaches consumers through proper distribution.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 10

# KPDN kekalkan kuota 60,000 tan metrik minyak masak bersubsidi sebulan

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) masih mengekalkan kuota 60,000 tan metrik minyak masak paket bersubsidi untuk setiap bulan di pasaran.

Timbalan Menteri berkenaan Dr Fuziah Salleh berkata keputusan itu dibuat selepas mengambil kira data Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2022 yang menyatakan jumlah penggunaan minyak masak paket bagi 80 peratus daripada 7.9 juta isi rumah adalah 30.3 juta metrik tan sebulan, manakala industri mikro pula menggunakan 21,280 metrik tan sebulan.

"Jumlah 60,000 tan minyak masak paket ini mencukupi untuk kita agihkan kepada isi rumah dan industri mikro," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Cha Kee Chin (PH-Rasah) mengenai berapa jumlah subsidi yang telah dibelanjakan untuk pelaksanaan Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (ECOSS) sepanjang 2024 dan adakah KPDN bersedia untuk meningkatkan kuota 60,000 tan metrik minyak masak paket bersubsidi di pasaran runcit.

Sementara itu Fuziah berkata kerajaan telah membelanjakan RM1.945 bilion untuk program skim penstabilan harga minyak masak dengan pecahan RM845 juta diperuntukan dalam Belanjawan 2024 dan RM1.1 bilion diperuntukan dalam 'supplementary bill'.

Selain itu beliau berkata, KPDN juga sedang berunding dengan agensi berkaitan untuk membangunkan satu projek rintis pada tahun ini bagi membolehkan pengguna membeli minyak masak paket menggunakan sistem ID.

"Sistem itu dilaksanakan bagi mengenal pasti warganegara Malaysia yang layak untuk mendapatkan bekalan tersebut, selain mengurangkan masalah ketirisan," katanya yang menjawab soalan tambahan Datuk Dr Zulkafperi Hanapi (PN-Tanjong Karang) yang ingin tahu adakah KPDN bersedia untuk memberi subsidi minyak masak secara terus melalui MyKad. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光華日報

HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 16

# 内贸部维持6万公吨补贴食油配额



傅芝雅

（吉隆坡17日讯）国内贸易及生活成本部维持市场上每个月6万公吨补贴袋装食用油的配额。

内贸部副部长傅芝雅说，该部门是根据马来西亚统计局在2022年发布的数据，作出此决定。

她指出，数据显示，790万户家庭每个月的袋装食用油使用占80%，达3030万公吨，而微工业每个月则使用2万1280公吨。

“6万公吨袋装食用油，足以让我们分配给家庭及微型企业。”

她17日在国会下议院问答环节，回答亚民主行动党亚沙国会议员谢琪清的提问时，这么说。

谢琪清询问内贸部去年在食用油补贴计划(ECOSS)耗费的补贴总数，以及该部门是否准备零售市场的6万公吨补贴袋装食用油的配额。

另外，傅芝雅说，政府已在食用油补贴计划耗费19亿4500万令吉，即2024年财政预算案拨款占8亿4500万令吉，余下11亿令吉拨款则通过附加供应法案发放。

她提到，内贸部也正在与相关机构协商，以在今年展开一个试点项目，让消费者使用身份证系统购买袋装食用油。

“落实该系统以鉴定符合资格的马来西亚公民获得袋装食用油，以及减少纰漏问题。”

她针对土著团结党丹绒加弄国会议员拿督祖卡夫佩里的附加提问有关内贸部是否准备通过MyKad身份证直接发放食用油补贴，如此回应。#

中國報 CHINA PRESS

HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 6

# 政府暫無意調整
# 補貼食用油配額

（吉隆坡17日讯）国内贸易及生活成本部副部长傅芝雅说，政府暂无意调整补贴食用油配额，所以还是维持在6万公吨。

她说，政府在2024年，共耗资19亿4500万令吉推行稳定食用油价格计划，其中2024年财政预算案预留了8亿4500万令吉拨款，随后的附加预算则追加11亿令吉拨款。



■傅芝雅

傅芝雅今日在国会下议院问答环节，如是回答行动党亚沙国会议员谢琪清的提问。

她说，为了确保真正有需要的人，能继续购买到补贴食用油，政府将在未来推行数项措施，包括推行针对性的补贴食用油措施、严格审查滤油厂、包装工厂、批发商和零售商。

"补贴是用来帮助人民的，若发现有人滥用政府配额的行为，我们会采取严厉行动对付，绝不妥协，包括吊销或撤回配额。

"在2024年，我们已经吊销16家公司，并撤回30家滥用公司的配额。"

针对丹绒加弄国会议员祖卡比里询问，政府是否考虑将食用油补贴改为通过大马卡直接发放现金时，傅芝雅说，该部目前还未直接通过现金发放相关补贴。

她说，政府计划在2025年推行的试点计划中，通过身分系统发放食用油补贴，以确保补贴惠及符合资格的大马公民。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 16



# Siasat punca beras putih tempatan 'hilang'



ANALISIS MUKA 16

MOHD FAIZUL HAIKA MAT KHAZI

Sebagai anak petani, penulis tumpang gembira dengan pengumuman kerajaan mengenai kenaikan harga lantai belian padi daripada RM1,300 kepada RM1,500 bagi setiap tan metrik yang berkuat kuasa serta-merta mulai Ahad lalu.

Begitu juga pengumuman, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai keprihatinan tokoh korporat Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhari menyumbangkan RM30 juta kepada kerajaan bagi membantu petani miskin.

Tambahan pula perbincangan bagi membolehkan penyedia perkhidmatan pembajakan, pengangkutan dan peralatan pertanian lyang menggunakan diesel mendapat subsidi sedang diusahakan dengan serius oleh kerajaan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan bertujuan memastikan bantuan diesel dapat disalurkan kepada golongan sasar bagi mengurangkan kos pembajakan serta meringankan beban pesawah.

Selain itu kerajaan juga mengumumkan harga beras putih tempatan (BPT) dikekalkan pada kadar RM2.60 per kilogram (kg) untuk memastikan bekalan beras tempatan stabil di pasaran.

Langkah ini melibatkan peruntukan kira-kira RM150 juta untuk tempoh enam bulan, bertujuan menyerap sebahagian kos pengeluaran dan memastikan keberadaan 24 juta kampit 10kg BPT di pasaran.

Keputusan ini diambil kerajaan dengan mengambil kira pelbagai faktor, termasuk kenaikan kos upah dan kos input pertanian seperti baja, racun, dan sebagainya, serta impak terhadap kos pengeluaran beras.

Oleh itu, tidak hairanlah jika Ketua Kluster Makanan Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, percaya bahawa langkah-langkah kerajaan ini bakal menyelesaikan isu misteri kehilangan BPT di pasaran tempatan.

Menurut beliau, semua langkah berkenaan menunjukkan kerajaan sentiasa komited untuk membantu rakyat secara menyeluruh termasuk rantaian industri padi daripada pesawah, pengilang, pemborong hinggalah kepada peruncit.

Namun apa yang lebih mengejutkan ialah pengakuan Syed Abu Hussin mengenai punca sebenar kehilangan BPT di pasaran tempatan.

Menurutnya masalah berkenaan berpunca daripada beras tempatan dibungkuskan dan dijual sebagai beras import dengan harga bermula RM40 bagi setiap 10 kilogram kepada pengguna.

Pendedahan Syed Abu Hussin ini bukanlah perkara baharu kerana Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Noor, telah mendedahkan perkara yang sama pada tahun lalu.

Namun, apa yang mengecewakan adalah sehingga hari ini, tiada sebarang tindakan tegas diambil terhadap pengilang atau pemborong beras tempatan mahupun import yang didakwa terlibat.

Adakah kartel beras ini kebal di sisi undang-undang, atau adakah pihak berkuasa seperti Kawalselia Padi Beras (KPB) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) gagal mengesan mereka?

> Adakah kartel beras ini kebal di sisi undang-undang, atau adakah pihak berkuasa seperti Kawalselia Padi Beras (KPB) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) gagal mengesan mereka?"

Oleh itu, sebagai pengguna, penulis berpendapat sudah tiba masanya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan berhubung kemungkinan unsur rasuah, penyelewengan, dan penyalahgunaan kuasa dalam kes kehilangan BPT di pasaran tempatan.

Langkah ini perlu diambil sebagai bukti bahawa kerajaan benar-benar serius menangani isu rasuah, penyalahgunaan kuasa, dan penyelewengan, sama ada melibatkan 'ikan bilis' atau 'jerung', seperti yang pernah dinyatakan oleh Perdana Menteri sebelum ini.

Kegagalan kerajaan dalam menangani isu misteri kehilangan BPT ini juga akan menjejaskan imej Perdana Menteri yang mementingkan tadbir urus dan tata kelola yang terbaik dalam pentadbirannya.

Jika misteri kehilangan BPT ini gagal diselesaikan, tidak mustahil ia akan menjadi bahan kempen utama untuk menolak parti pada Pilihan Raya Umum yang akan datang.

**Mohd Faizul Haika Mat Khazi ialah Wartawan Meja Am Sinar Harian*

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 14

# MOT bincang haramkan 'dummy buckle'

**Klang:** Kementerian Pengangkutan (MOT) akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berhubung penjualan serta penggunaan alat penyah aktif penggera tali pinggang keselamatan atau *dummy buckle*.

Menterinya, Anthony Loke, berkata perbincangan itu akan dilakukan untuk melihat dari sudut penguatkuasaan berikutan trend penjualan alat berkenaan dilihat berleluasa dan menyalahi peraturan.

"Penggunaan *dummy buckle* itu memang tidak dibenarkan, namun penguatkuasaan (bagi penjualan alat itu) bukan di bawah kementerian ini, sebaliknya KPDN.

"Jadi, kita akan adakan perbincangan dengan KPDN untuk haramkan penjualan *dummy buckle* itu," katanya pada sidang media selepas Sambutan Tahun Baharu Cina Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan Pelancaran Malaysia Maritime Single Window (MMSW) di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang, Young Hian Wah.

Anthony berkata, pemilik kenderaan menggunakan alat itu berikutan kebanyakan kenderaan baharu ada pengesan yang akan berbunyi jika pemandu dan penumpang tidak memakai tali pinggang keselamatan.

Katanya, penjualan alat penyah penggera *dummy buckle* itu tetap melanggar peraturan dan berbahaya kepada keselamatan pengguna.

"Seperti selalu saya tegaskan, pakai tali pinggang keledar ini bukan sebab peraturan, tetapi untuk melindungi pemandu dan penumpang terutama di bahagian hadapan," katanya.

Sementara itu, Anthony berkata, larangan dikeluarkan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) berkenaan penggunaan soket 3-pin dan USB dalam semua bas ekspres masih berkuat kuasa sehingga polisi serta garis panduan pendawaian tambahan baharu dikeluarkan MOT.



Penjualan alat penyah penggera 'dummy buckle' tetap melanggar peraturan dan berbahaya kepada keselamatan pengguna. (Foto fail NSTP)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 7

# Penjualan *dummy buckle* diharamkan




**ANTHONY Loke Siew Fook dan Pengerusi LPK, Yong Hian Wah (tiga, kanan) bergambar selepas peluncuran rasmi *Malaysia Maritime Single Window* oleh Lembaga Pelabuhan Klang dan Majlis sambutan Tahun Baharu Cina di Klang, semalam. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF**

**KLANG:** Penjualan alat nyah aktif penggera tali pinggang keledar atau *dummy buckle* akan diharamkan di pasaran negara ini bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, kementeriannya akan berbincang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam memastikan penguatkuasaan larangan itu dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Katanya, penggunaan alat itu yang menjadi trend kebelakangan ini, melanggar peraturan kerana ramai pengguna tidak memakai tali pinggang keselamatan ketika berada dalam kenderaan.

"Kebanyakan kenderaan baharu kini mempunyai sensor (penggera) dan akan berbunyi sekiranya tali pinggang keselamatan tidak dipakai.

"Namun, ada yang kreatif menggunakan *dummy buckle* supaya sensor tidak berbunyi. Jadi, kita akan berbincang dengan KPDN supaya diharamkan penjualannya di pasaran," katanya selepas merasmikan majlis Sambutan Tahun Baharu Cina Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan meluncurkan Malaysia *Maritime Single Window* di sini, semalam.

Minggu lalu, Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Sembilan, Hanif Yusabra Yusuf dilaporkan berkata, notis tertinggi dikeluarkan pada Operasi Khas Tahun Baharu Cina merupakan kesalahan tidak memakai tali pinggang keledar dengan lebih 30 peratus daripadanya menggunakan aksesori berkenaan.

Ia berpunca daripada *dummy buckle* dalam kalangan pengguna bagi menghentikan penggera dengan alasan tidak selesa dan terlupa.

Loke mengingatkan pengguna supaya tidak mengabaikan atau berkompromi dalam isu keselamatan terutama ketika berada di jalan raya.

"Memakai tali pinggang keselamatan itu bukan kerana ada peraturan tetapi bagi keselamatan.

"Jangan rasa elak daripada bunyi sensor kenderaan itu melindungi seseorang pemandu dan penumpang terutama di bahagian hadapan," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 16

# MOT, KPDN bincang haram penjualan 'dummy buckle'

**Klang:** Kementerian Pengangkutan (MOT) akan berbincang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berhubung penjualan serta penggunaan alat penyah aktif penggera tali pinggang keledar atau *dummy buckle*.

Menterinya Anthony Loke berkata, perbincangan akan melihat daripada sudut penguatkuasan berikutan trend penjualan alat itu dilihat berleluasa dan menyalahi peraturan.

"Penggunaan *dummy buckle* memang tidak dibenarkan, bagaimanapun penguatkuasaan (bagi penjualan) bukan di bawah kementerian ini, sebaliknya KPDN.

"Kita akan adakan perbincangan dengan KPDN untuk haramkan penjualan *dummy buckle* itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Sambutan Tahun Baharu Cina Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan Pelancuran Malaysia Maritime Single Window (MMSW), di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pemilik kenderaan menggunakan alat berkenaan berikutan kebanyakan kenderaan baharu mempunyai pengesan (*sensor*) yang akan berbunyi jika pemandu dan penumpang tidak memakai tali pinggang keledar.



*Pakai tali pinggang ini bukan sebab ada peraturan, tetapi keselamatan"*

**Anthony Loke**

Katanya, ia tetap melanggar peraturan dan berbahaya kepada keselamatan pengguna.

"Seperti yang selalu saya katakan dan tegaskan bahawa pakai tali pinggang ini bukan sebab ada peraturan, tetapi keselamatan untuk melindungi pemandu dan penumpang terutamanya di bahagian hadapan," katanya.

Dalam pada itu, Anthony berkata, larangan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) berkaitan penggunaan soket 3-pin dan USB dalam bas ekspres masih berkuat kuasa sehingga polisi serta garis panduan pendawaian tambahan baharu dikeluarkan.

"Standard piawaian pemasangan kabel dan soket dalam bas sedang dibangunkan Suruhanjaya Tenaga dan SIRIM Berhad yang dijangka siap Mei tahun ini," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TELUS & TULUS
Sinar Harian
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 5

# MOT, KPDN bincang haramkan penjualan *dummy buckle*

**KLANG** - Kementerian Pengangkutan (MOT) bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengadakan perbincangan bagi mengharamkan penjualan alat nyah aktif penggera tali pinggang keledar atau *dummy buckle* yang dijual di pasaran.



ANTHONY

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, perbincangan itu untuk melihat dari sudut penguatkuasaan setiap kementerian berikutan penjualan alat berkenaan dilihat berleluasa serta menyalahi peraturan keselamatan jalan raya.

"Penggunaan *dummy buckle* memang tidak dibenarkan. Bagaimanapun, penguatkuasaan (jualan *dummy buckle*) bukan di bawah kementerian ini (MOT) sebaliknya KPDN. Sebab kita tahu, kebanyakan kenderaan baharu sekarang ada sensor (pengesan). Kalau tidak pakai tali pinggang keselamatan akan ada bunyi.

"Jadi ia memang melanggar peraturan sebab letak *dummy buckle* itu memang tidak pakai tali pinggang keselamatan," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina Lembaga Pelabuhan Klang dan Peluncuran Malaysia Maritime Single Window (MMSW) di KSL Convention Centre di sini pada Isnin.

Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Sembilan, Hanif Yusabra Yusuf sebelum ini dilaporkan berkata, penggunaan alat nyah aktif penggera tali pinggang keledar dan tidak memakai tali pinggang keledar dengan sempurna oleh pemilik kenderaan dilihat menjadi trend semakin membimbangkan.

Beliau berkata, ia berikutan notis tertinggi yang dikeluarkan pada Operasi Khas Tahun Baharu Cina adalah bagi kesalahan tidak memakai tali pinggang keledar iaitu 195 kesalahan dengan lebih 30 peratus daripadanya menggunakan aksesori berkenaan.

Dalam pada itu, Anthony berkata, larangan penggunaan soket 3-pin dan USB dalam semua bas ekspres pada 6 November tahun lepas masih berkuat kuasa sehingga polisi dan garis panduan pendawaian tambahan baharu dikeluarkan oleh MOT.

Beliau berkata, ketika ini satu standard piawaian pemasangan kabel dan soket di dalam bas juga sedang dibangunkan oleh Suruhanjaya Tenaga dan Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan dijangka siap seawal Mei.

Media sebelum ini melaporkan seorang remaja lelaki maut dipercayai terkena renjatan elektrik ketika mahu mengecas telefon bimbit di soket dalam sebuah bas ekspres di Penang Sentral pada jam 6.10 petang, 1 November tahun lepas. - *Bernama*



Makin ramai guna *dummy buckle*

Sindiket tipu penduduk Caribbean tumpas

Tawar kursus gunting rambut percuma

Laporan *Sinar Harian* pada 11 Februari 2025.

中國報 CHINA PRESS
HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 3

## 交部内貿部商加強執法
# 禁售假安全帶扣




■嘉宾为全国大马海事单一窗口及欢庆巴生港取得佳绩主持推介，左起为李万达、苏伯马念、诺玛奥斯马及陆兆福，右起为阿兹曼、诺哈斯玛、诺弗亚及欧阳捍华。

（巴生17日讯）交通部长陆兆福说，交通部将与国内贸易及生活成本部（KPDN）讨论，以加强执法并禁止市场上销售“假安全带扣”（Dummy Buckle）。

“使用假安全带扣不但违反交通规则，使用假安全带扣来关安全带警报，一旦发生交通意外，可能会造成严重后果。”

陆兆福今日中午出席巴生港务局新春团拜活动及为大马海事单一窗口系统（MMSW）主持推介后说，目前大多数新款车辆都配备了安全带感应器，如果驾驶者或乘客未系上安全带，安全带警报便会响。

### 不應忽視人身安全

他补充，所以一些“有创意”的人便设计了假安全带扣来欺骗感应器，但实际上他们根本没有系安全带，但这种做法已违反了交通条例。

他提醒所有道路使用者，不应忽视或妥协自身安全，特别是在驾驶过程中佩戴安全带不仅仅是因为法律规定，更是为了人身安全。

出席者包括交通部副秘书长（管理）诺弗亚博士、副秘书长（政策）拿督诺玛奥斯马、国家物流中心总监诺哈斯玛、巴生港务局主席欧阳阳华、巴生港务局总经理苏伯马念、西港控股集团董事万达夫、北沙尔曼执行长哈夫沙曼。

## 辦理出入港手續
# 海事單一窗口全啓用

陆兆福宣布，大马海事单一窗口系统（MMSW）将全面启用。

他透露，早前，上述系统只在巴生港口推行，随著内阁已批准，所以国内各港口也将落实大马海事单一窗口系统。

他说，交通部已委托巴生港务局负责MMSW的全国推行工作，该系统已在巴生港的所有主要码头和私人码头全面实施，并将逐步扩展至关丹港、甘马挽港、柔佛港、槟城港及民都鲁港，预计3月，MMSW将在沙巴和砂拉越各大港口投入使用。

“截至2024年12月31日，已有1万0682艘船舶透过MMSW完成入港及出港手续，系统也获得使用者正面反馈，所以交通部将进一步扩展MMSW功能，包括货柜管理、货柜追踪和监控。”

## 巴生港口東鐵項目
# 改雙軌道更趨完善

陆兆福宣布，内阁已批准马来亚铁路有限公司（KTMB）建议，让涉及巴生港口（D段）衔接至巴生北港和西港，全长25公里的东海岸铁路线（ECRL）项目部分的轨道设计做出调整，从原本的单轨道改为双轨道，让项目更趋完善。

“这个从巴生海关路衔接至巴生北港及西港的路线，全长25公里，这次的调整政府无需承担额外的拨款，也不会增加开发东海岸铁路线项目的成本。”

陆兆福说，为了提升货运铁路的运载能力并提高铁路运输至北港和西港的效率，内阁同意兴建双轨铁路，包括新的标准轨距供东铁列车使用，同时保留现有的轨道供马来亚铁道公司使用。

他相信，这项变更将带来重大影响，让KTMB和东铁列车能独立运作，无需互相依赖。

他说，这项更动将大幅提升货运铁路的整体运输能力，加强进出口贸易效率，当东铁项目全面竣工后，将有助于提升国家贸易竞争力。

“详细招标信息将在2月尾公布，此回承包商将优先考虑有资质且在铁路建设领域经验丰富的土著承包商。”

他接著说，起初的D段仅达关税局路车站便结束，没连接到巴生北港和西港，今次调整衔接至2个港口，整体成本预料将比2017年签署东铁方案时低。

他也相信上述调整将在战略上发挥关键作用，完善“陆桥”概念，使东海岸与西海岸的港口透过ECRL实现连接，进一步优化铁路货运运输，让运输效果达到最大化。




■巴生港口（D段）衔接至巴生北港和西港轨道设计将从原本的单轨道改为双轨道，让项目更趋完善。



■陆兆福分派红包给现场的小学生。




| 數據 | 西港 | 北港 |
|---|---|---|
| 全长 | 18.5 公里 +0.34 公里（高架跳桥） | 6.3 公里 |
| 平交道 | 10 个 | 6 个 |
| 桥 | 10 座 | 1 座 |
| 铁路桥梁 | 1 座 | 2 座 |

## 去年增加8.6%
# 集裝箱吞吐量3068萬個

“我国2024年的集装箱吞吐量达到3068万个，较2023年增加了8.6%。”

陆兆福说，我国的港口在去年表现卓越，全年共处理了3068万个标准集装箱，这比2023年增加了8.6%；而单是巴生港口，去年就出了1464万个标准集装箱，这也较2023年取得了4.5%的增长，并占了全国港口总吞吐量的47.7%。

他说，尽管世界港口排名需数个月再公布，不过，巴生港口很有机会晋升世界十大港口。

他说，巴生港务局也在2025年设定了增长目标，预计巴生港口在2025年的集装箱吞吐量将增加2.3%或达到1500万个，要达到这个目标，前提是要获得国内经济成长、基础建设、制造业和物流业的增长和支持。

### 推進西港2擴建項目

另外，陆兆福说，Westports Holdings Bhd正在推进巴生西港2的扩建项目，该项目将使巴生港的集装箱吞吐能力从目前的2000万个提升至3400万个。

## 推動港口與物流產業
# 培訓500 E牌司機

巴生港务局主席欧阳捍华说，巴生港务局积极推动港口与物流产业发展，确保高效率营运与优质服务，包括培训500名持有E执照或GDL执照的司机。

“我们也有提供D驾照训练，为200名名离校生提供就业机会，这些都会我们和交通部、人力资源部和其他单位联手推行的计划，以培养专业货运司机和港口工人，满足产业需求。”

他说，巴生港务局也支持国家能源转型路线图（NETR），推动低碳运营，包括鼓励使用电动货车、扩大太阳能应用，提升巴生港及巴生港口自贸区的再生能源比例，这些措施除了要降低营运成本，也将巩固巴生港作为绿色智慧港口（Green Smart Port）的地位。

Harian Metro

HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 21

# Harga santan cecah RM20 sekilogram!

*Tindakan drastik terpaksa dilakukan elak kerugian walaupun berat hati: Peniaga*

**Oleh Mohd Rafi Mamat**
am@hmetro.com.my

**Kuantan**

Harga kelapa import dari Indonesia yang meningkat sejak tahun lalu memaksa peniaga bertindak menaikkan harga santan sehingga mencecah RM20 sekilogram (kg).

Tindakan drastik itu terpaksa dilakukan bagi mengelak kerugian walaupun terpaksa berhadapan penurunan jualan apabila semakin ramai pengguna tidak sanggup menggunakan santan segar sebaliknya beralih ke santan segera.

Peniaga kelapa Mohd Fadzli Hamzah, 48, berkata, harga santan mula naik November tahun lalu apabila sebelum itu, dia menjual RM16 sekilogram (kg) dan kini terpaksa dinaikkan hingga RM20 kg.

Katanya, sebagai peniaga, dia terpaksa bertindak menaikkan harga santan walaupun berat hati berbuat demikian, namun disebabkan pembekal menjual pada harga lebih tinggi, dia terpaksa mengambil keputusan meningkatkan harga.

Menurutnya, sejak harga santan naik, boleh dikatakan 50 peratus pelanggan tidak lagi muncul mendapatkan bekalan.

"Terdapat kes saya terpaksa menunjukkan resit belian kelapa kepada pelanggan bagi membuktikan harga kelapa di peringkat pembekal telah naik. Hampir 100 peratus bekalan kelapa diimport dari Indonesia," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

**"Sejak harga santan naik, boleh dikatakan 50 peratus pelanggan tidak lagi muncul mendapatkan bekalan"**

*Mohd Fadzli*

**"Kenaikan harga kelapa kali ini berlaku begitu cepat, pernah berlaku sebelah pagi harga lain, bila petang harga telah naik"**

*Azizah*



AZIZAH terpaksa menjual santan dengan harga RM20 sekilogram. STR/MOHD RAFI MAMAT

Mohd Fadzli yang dibantu isterinya Azizah Ibrahim, 46, berkata, harga kelapa naik menyebabkan terdapat peniaga di daerah ini terpaksa gulung tikar kerana tidak sanggup berhadapan kerugian secara berterusan.

Dia yang menjalankan perniagaan di Jalan Bypass Kuantan dekat Bukit Rangin, di sini, berkata, harga santan yang naik menjadi punca peniaga menaikkan harga makanan terutama kuih.

Bagi Azizah, dia tidak menolak kemungkinan harga makanan termasuk kuih pada Ramadan dan Aidilfitri ini akan naik disebabkan harga santan yang kini mencecah RM20 kg.

"Kenaikan harga kelapa kali ini berlaku begitu cepat, pernah berlaku sebelah pagi harga lain, bila petang harga telah naik. Faktor berkenaan menyebabkan ramai pelanggan saya seolah tidak percaya.

"Saya memikirkan nasib peniaga Melayu yang menjual makanan seperti ketupat, rendang, lemang, nasi lemak dan pelbagai kuih lain.

"Makanan berkenaan memerlukan santan yang banyak sedangkan santan kini berharga RM20 kg," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 8



TINJAU: Chew (kiri) ketika membuat tinjauan ke atas program berkenaan.

# Program Jualan Rahmah MADANI sangat bermanfaat

Oleh Yap Siong Han

SANDAKAN: Penduduk memohon agar Program Jualan Rahmah MADANI diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali.

Pemimpin Pembangunan Masyarakat (PPM) Karamunting, Datuk Chew Kok Woh berkata, penganjuran program berkenaan menerima sambutan yang sangat positif daripada masyarakat tempatan.

"Jualan seumpamanya dilakukan sebelum menjelang bulan Ramadan adalah sangat menggalakkan.

"Para penduduk di sekitar Jalan Leila memohon program yang diadakan di Pasar Bandar Ramai-Ramai itu diadakan sebulan sekali," katanya dalam kenyataan di sini, kelmarin.

Beliau berkata, program kali ini adalah anjuran beliau dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Sandakan yang dihadiri sendiri oleh Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali.

Katanya, sejumlah enam jenis barangan yang dijual pada 'happy hour' berjaya mendapat jualan yang memberangsangkan. Semua barangan lain yang dipamerkan turut mencapai jualan 90 peratus.

"Saya berterima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan program Jualan Rahmah MADANI ini seperti Pejabat Cawangan KPDN Sandakan, Syarikat Harrison & Crosfield, KWSP Sandakan, PERKESO Sandakan, Jabatan Kebajikan Daerah Sandakan dan Kakitangan Pejabat Unit PPM Karamunting," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: SELASA
TARIKH: 18/2/2025
M/SURAT: 5

# 擬通過ID發食油補貼

国内贸易及生活费部副部长傅芝雅说，政府计划在2025年推行的试点计划中，通过身分系统（ID）发放食用油补贴，以确保补贴惠及符合资格的大马公民。

她说，内贸部目前还未直接通过现金发放相关补贴。

“但我们会确保补贴惠及消费者。在2025年的试点项目中，我们计划采用ID系统，或某种形式的身分认证来发放相关补贴。”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 18 FEBRUARI 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 18-Feb | KPDN Kekalkan Kuota 60,000 Tan Metrik Minyak Masak Bersubsidi Sebulan | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2393231 | BERNAMA |
| 18-Feb | Kerajaan belum rancang salur subsidi minyak masak peket guna MyKad | https://www.sinarharian.com.my/article/713150/berita/nasional/kerajaan-belum-rancang-salur-subsidi-minyak-masak-peket-guna- | SINAR HARIAN |
| 18-Feb | "Definisi 'peniaga mikro' kita tak termasuk restoran" - Fuziah | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/definisi-peniaga-mikro-kita-tak-termasuk-restoran- | ASTRO AWANI |
| 18-Feb | Skim Penstabilan Harga Minyak Masak: Kuota subsidi kekal mencukupi | https://www.buletintv3.my/nasional/skim-penstabilan-harga-minyak-masak-kuota-sibsidi-kekal-mencukupi/ | TV3 |
| 18-Feb | Kuota 60,000 tan minyak masak paket bersubsidi sebulan cukup, KPDN tak berhasrat tambah | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1362268/kuota-60000-tan-minyak-masak-paket-bersubsidi-sebulan-cukup-kpdn- | BERITA HARIAN |
| 18-Feb | Tiada penambahan kuota minyak masak paket subsidi – KPDN | https://www.utusan.com.my/berita/2025/02/tiada-penambahan-kuota-minyak- | UTUSAN |
| 18-Feb | Wajar hukum 'pencuri' minyak subsidi kita | https://www.sinarharian.com.my/article/713087/suara-sinar/lidah-pengarang/wajar-hukum-pencuri-minyak- | SINAR HARIAN |
| 18-Feb | KPDN kekalkan kuota 60,000 tan metrik minyak masak bersubsidi sebulan | https://thesun.my/cerita/berita/kpdn-kekalkan-kuota-60000-tan-metrik-minyak-masak-bersubsidi-sebulan-BN13694216 | THE SUN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 18-Feb | Seleweng minyak masak peket: 16 syarikat di-gantung, 30 ditarik kuota | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/seleweng-minyak-masak-peket-16-syarikat-digantung-30-ditarik-kuota/ | UTUSAN |
| 18-Feb | Program Jualan Rahmah Madani sangat bermanfaat | https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/17/program-jualan-rahmah-madani-sangat-bermanfaat | UTUSAN BORNEO |
| 18-Feb | MOT bincang dengan KPDN haramkan penjualan 'dummy buckle' | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1362460/mot-bincang-dengan-kpdn-haramkan-penjualan- | BERITA HARIAN |
| 18-Feb | MOT, KPDN AKAN BIN-CANG HARAMKAN PENJUALAN 'DUMMY BUCKLE' - LOKE | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2393339 | BERNAMA |
| 18-Feb | MOT, KPDN akan bincang haramkan penjualan 'dummy buckle' | https://www.sinarharian.com.my/article/713217/berita/nasional/mot-kpdn-akan-bincang-haramkan- | SINAR HARIAN |
| 18-Feb | MOT, KPDN bincang haram penjualan 'dummy buckle' | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/02/1188188/mot-kpdn-bincang-haram-penjualan-dummy-buckle | HARIAN METRO |
| 18-Feb | MOT, KPDN To Discuss Banning 'Dummy Buckle' Sale | https://thesun.my/malaysia-news/mot-kpdn-to-discuss-banning-dummy-buckle-sale-loke-IN13698022 | THE SUN |
| 18-Feb | Harga kelengkapan sekolah mahal, MCA saran Fuziah kerap turun padang | https://www.sinarharian.com.my/article/713243/berita/nasional/harga-kelengkapan-sekolah-mahal-fuziah-disaran-kerap | SINAR HARIAN |
| 18-Feb | 60,000 metrik tan minyak masak peket mencukupi | https://www.kosmo.com.my/2025/02/17/60000-metrik-tan-minyak-masak-peket- | KOSMO |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT